

13/05/2003

Wartawan diminta pecah monopoli media Barat

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta wartawan tempatan keluar daripada 'kepompong' dengan membuat liputan pada peringkat antarabangsa bagi memecah penguasaan media Barat yang terus berusaha menjayakan agenda mereka.

Perdana Menteri berkata, media tempatan selama ini hanya menerima dan menyiarkan kembali laporan media Barat untuk tatapan rakyat tanpa memeriksa sama ada berita itu sahih atau sudah diputar belit.

Berikutan itu, beliau berharap pengamal media tempatan menjadikan Hari Wartawan Malaysia semalam sebagai titik tolak azam baru wartawan Malaysia untuk keluar daripada kepompong lama ke alam liputan antarabangsa yang lebih luas mencakupi laporan berita ekonomi dunia, peperangan dan sebagainya.

"Selama ini kita hanya menerima saja pelbagai berita daripada media Barat dan siarkan kembali dalam media tanpa usul periksa apakah berita itu daripada sumber yang sah atau sudah diputar belit.

"Kita tidak boleh lagi berdiam diri dengan membiarkan mereka menguasai media dunia dengan agenda mereka," katanya dalam perutusan sempena Seminar Peranan Wartawan Dalam Keamanan Dunia sempena Hari Wartawan Malaysia semalam.

Seminar sehari anjuran Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM) dengan kerjasama Institut Media Integratif Media Malaysia (MIIM) itu dirasmikan Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noh Omar yang mewakili Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sambil mengucapkan tahniah kepada wartawan sempena sambutan Hari Wartawan Malaysia keenam, Dr Mahathir berkata sudah sampai masanya rakyat Malaysia didedahkan kebenaran serta berita yang dihasilkan pengamal media dan wartawan negara sendiri.

Justeru, kata Perdana Menteri, mereka harus mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran untuk memikul tanggungjawab yang mencabar itu.

"Pengamal media dan wartawan negara kita hendaklah berusaha melengkapkan diri dengan pelbagai kecekapan dan kemahiran dari segi liputan di peringkat antarabangsa kerana keadaan dunia sekarang semakin mencabar dan tidak boleh diduga," katanya.

Sementara itu, Noh berkata, media negara perlu mengambil peluang daripada persidangan antarabangsa yang dihadiri pemimpin negara dengan membuat liputan membabitkan isu dan pemimpin dunia.

Katanya, liputan media tempatan tidak seharusnya hanya tertumpu kepada pergerakan dan kenyataan pemimpin seperti diamalkan kini.

"Begitu juga jika mempunyai wakil di luar negara seperti di London, beliau seharusnya mendapatkan berita secara terus daripada sumber,

bukannya sekadar memetik laporan akhbar tempatan," katanya.

Sehubungan itu, katanya, usaha yang dirintis Pasukan Bersama Media Malaysia (JMTM) melaporkan peperangan di Iraq mengikut perspektif Malaysia

perlu diteruskan kerana ia memberi peluang kepada rakyat negara ini mengetahui apa yang sebenarnya berlaku di sana.

"Walaupun ada kekurangan dalam usaha sulung itu, ia perlu disusuli langkah seterusnya," katanya.

Antara pembentang kertas kerja dan ahli panel forum pada seminar itu ialah Fellow Institut Pengembangan Ilmu Universiti Teknologi Mara, Prof Madya Dr Ahmad Murad Merican; Penolong Pengarang Berita akhbar Berita Harian yang menyertai JMTM, Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Pengerusi Biro Hal Ehwal Antarabangsa Pemuda Umno, Dr Shamsul Anwar Sulaiman dan ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Ahmad Subky Latif.